



SIARAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

KEBAKARAN KILANG KITAR SEMULA DI PASIR GUDANG TIDAK MENYEBABKAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

2 MAC 2020, PASIR GUDANG – Kebakaran kilang kitar semula di Pasir Gudang yang berlaku pada 1 Mac 2020 tidak menyebabkan pencemaran alam sekitar di sekitar kawasan yang terlibat. Siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri (JAS) Johor mendapati tiada kesan pencemaran pada sistem parit awam dan Sungai Selangkah yang berdekatan dengan kilang akibat kebakaran itu.

Pemantauan lanjut kualiti udara di sekitar kawasan kejadian mendapati tahap kualiti udara tidak terjejas berdasarkan bacaan *Total Volatile Organic Compound* (TVOC) yang sangat rendah daripada tiga (3) buah stesen pengawasan automatik udara berhampiran yang terdapat di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pasir Putih, SMK Tanjung Puteri dan sekitar Pelabuhan Johor.

Pada awal pagi 1 Mac 2020, kilang Sun Hup Huat Enterprise Sdn. Bhd. beralamat di PLO 575 Jalan Keluli, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang yang menjalankan perusahaan kitar semula plastik, kertas dan besi telah terbakar. Kebakaran dipercayai berpunca dari stor barang-barang lusuh.

Kilang ini terletak lebih kurang 1 kilometer dari sekolah terdekat dan kawasan penempatan awam. Kebakaran telah berjaya dipadamkan sepenuhnya oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pada pukul 12.30 tengah hari semalam.

Sebelum ini, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) melalui JAS telah memasang sebanyak 25 buah stesen *Photo Ionization Detector* (PID) di sekitar bandar ini serta menempatkan dua (2) unit makmal bergerak iaitu *Gas Chromatography – Mass Spectrometry* (GCMS) dan *Gas Chromatography – Flame Ionization Detector* (GCFID) yang telah beroperasi sejak Januari 2020.

Pasir Gudang menjadi bandar industri pertama dilengkapi dengan sistem pengawasan yang akan memantau kualiti udara secara masa nyata (*real time*) bagi memberi amaran awal sekiranya berlaku sebarang insiden pencemaran.

----- TAMAT -----

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat MESTECC:

Puan Noor Haniza bt Noordin

Emel: noorhaniza@mestecc.gov.my

Encik Suffian Abu Bakar

Emel: suffian@mestecc.gov.my

Jabatan Alam Sekitar:

Encik Sharudin Rosli,

Emel: sharudin@doe.gov.my

Dikeluarkan pada 2 Mac 2020, 5.00 petang.